



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	19/3/2021	MUKA SURAT : 21
JABATAN	:	KeTSA / JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

6.9 juta pokok bakau ditanam seluruh negara

BH 19/3/2021 m/s 21

Kementerian rangka pelbagai program sejak 2005 pastikan kelestarian alam semula jadi

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Lumut: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengemukakan pelbagai program penanaman pokok bakau dan spesies sesuai di pesisiran pantai negara, bagi memastikan kelestarian alam semula jadi tetap terpelihara.

Menterinya, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata bermula daripada pelaksanaan projek pada 2005 sehingga tahun lalu, sebanyak 6.9 juta pokok bakau sudah ditanam di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 1.2 juta pokok bakau ditanam di Perak.

Beliau berkata, lebih 4 juta pokok termasuk bakau pua sudah ditanam melalui Kempen Penanaman 100 juta Pokok 2021-2025 yang dianjurkan pada Januari lalu.

"Walaupun sasaran kita setiap tahun 20 juta pokok termasuk bakau dan kini sudah mencapai lebih 4 juta namun kita masih tidak gembira lagi kerana kita mahu program ini dilaksanakan berterusan.

"Kita mahu program penanaman pokok ini tidak dilakukan secara formal oleh agensi kerajaan yang dirancang sebaliknya dilaksanakan secara semula jadi membabitkan rakyat untuk menanam sama ada di rumah dan komuniti," katanya pada sidang media selepas Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan serta Majlis Perasmian Taman Paya Bakau Bandar di sini, semalam.

Pada program itu, Shamsul Anuar turut terbabit menanam 100 pokok bakau. Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Syamsul Hazeman

Mid Salleh.

Semalam, BH melaporkan Pensyarah di Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Muzneena Ahmad Mustapha, berkata hutan paya bakau di pesisir pantai negara banyak berbeza berbanding 30 tahun lalu kesan pelbagai aktiviti, termasuk perbuatan manusia.

Katanya, sekitar 1970, paya bakau dikesan berada jauh ke dalam laut, tetapi hari ini ia sekadar berse-lerakan di pinggir laut.

Sementara itu, Syamsul Hazeman berkata, Taman Paya Bakau Lumut dijenamakan semula kepada Taman Paya Bakau Bandar. Beliau berkata, bandar dilihat sebagai nafas baharu yang mempunyai keistimewaan tersendiri dengan memiliki ekosistem paya bakau di kawasan bandar.



Shamsul Anuar (dua dari kanan) menanam anak pokok bakau pada Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan serta Majlis Perasmian Taman Paya Bakau Bandar di Lumut, semalam. (Foto BERNAMA)